

**Rosmah di lokasi Altantuya dibunuh 'tak masuk akal'**  
**Malaysiakini.com**  
**September 1,2011**

Kehadiran Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada lokasi pembunuhan warga Mongolia Altantuya Shaariibuu "tidak masuk akal", menurut seorang diplomat Amerika Syarikat dalam sebuah kabel rahsia yang dihantar ke Washington DC tiga tahun lalu.

Kabel diplomatik itu dihantar oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dua minggu selepas penulis blog kontroversial Raja Petra Kamarudin membuat pengakuan bersumpah bahawa Rosmah berada di tempat kejadian pembunuhan itu pada 2006 Oktober.

Walaupun tuduhan terhadap Rosmah itu dikatakan "tidak masuk akal", kabel itu berkata ia bersetuju dengan pandangan sebahagian besar rakyat negara ini yang tidak mempunyai keyakinan terhadap integriti penyiasatan pembunuhan Altantuya.

Katanya, tumpuan awam yang berterusan terhadap kes berkenaan juga boleh menjejaskan peluang Najib, yang ketika itu timbalan perdana menteri bagi menggantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin baru negara.

Pada 18 Jun, Raja Petra membuat kenyataan bersumpah bahawa dia "dimaklumkan bahawa Rosmah, bersama-sama dengan pembantunya, Norhayati Hassan dan pemangku Kolonel Aziz Buyong - yang juga adalah suami Norhayati - hadir di lokasi pembunuhan sensasi. Itu

Kenyataan bersumpah itu dibuat ketika ketegangan politik di Malaysia dengan khabar angin bertiup kencang bahawa kemungkinan berlaku perubahan dalam kerajaan pada 16 Sept, 2008, melalui paling tadah besar-besaran ahli parlimen BN.

Dua minggu selepas pendedahan oleh Raja Petra (kiri), Mohd Saiful Bukhari Azlan, pembantu kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, membuat laporan polis mendakwa bahawa dia telah diliwat oleh ketua pembangkang itu.

Tidak lama selepas itu, iaitu pada 26 Ogos, Anwar kembali aktif dalam politik selepas memenangi pilihan raya kecil di Permatang Pauh, kerusi parlimen yang dikosongkan oleh isteri beliau, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Walau bagaimanapun, ikrar Anwar untuk mengambil alih Putrajaya gagal menjadi realiti apabila tidak seorang pun ahli parlimen yang meninggalkan BN bagi menyebelahi Pakatan Rakyat.